

## BAB: 2

### ZAMAN AWAL TUN SAMBANTHAN

Nama sebenar Tun Sambanthan ialah Thirunyana Sambanthan. Sebagai tanda penghormatan, beliau menyertakan nama ayahnya di hadapan nama dan digelar Veerasamy Thirunyana Sambanthan. Nama ringkasnya ialah V.T. Sambanthan. Beliau lebih senang dikenali dengan panggilan Tun Sambanthan.<sup>1</sup> Beliau dilahirkan pada 16hb Jun 1919 di Sg. Siput, Perak. Beliau merupakan anak kedua kepada Encik Veerasamy dan Puan Senggambal. Beliau mempunyai seorang abang bernama Veerasamy Meenatchi Sundram, seorang adik lelaki bernama Krishnan dan seorang adik perempuan bernama Saraswathy.

Ayahnya, Veerasamy berasal dari Mimosal, sebuah pekan di pinggir Daerah Tanjore, India Selatan. Beliau tiba ke Kuala Kangsar pada tahun 1896. Ketika itu, beliau hanya berusia 16 tahun. Encik Periathambi, seorang peruncit di Kuala Kangsar merupakan orang sekampung dengan Veerasamy di Tanjore. Dia telah membawa Veerasamy ke kedainya dan menawarkan pekerjaan jurukira. Pada masa yang sama, terdapat seorang lagi kanak-kanak lelaki berusia 12 tahun dari daerah Tiruchi, India Selatan yang sedang bekerja di kedai tersebut. Hubungan Veerasamy dan kanak-kanak itu menjadi akrab. Kanak-kanak itu bernama Suppiah Pillai.<sup>2</sup>

Pada awal tahun 1920-an, beberapa bukit di sebelah Padang Rengas, Kuala Kangsar telah diratakan bagi tujuan pembinaan landasan keretapi. Landasan ini merentasi pekan Sg. Siput. Keadaan ini membuka peluang kepada Veerasamy dan

---

<sup>1</sup> Dalam penulisan disertasi ini, beliau akan digelar sebagai Tun Sambanthan.

Suppiah Pillai melawat Sg. Siput. Mereka tertarik dengan keindahan dan kehijauan Sg. Siput, lalu mereka bercadang membuka sebuah kedai runcit di pekan Sg. Siput. Perniagaan mereka agak menguntungkan kerana pelanggannya terdiri daripada masyarakat estet. Secara tidak langsung, mereka mula melibatkan diri dalam kebajikan masyarakat estet.

Veerasamy mula berminat dalam sektor perladangan getah setelah melihat keuntungan yang diperolehi oleh pemilik ladang Eropah. Dengan membekalkan modal yang diperolehi daripada kedai runcit, Veerasamy mula membeli beberapa ladang<sup>3</sup> sehingga digelar orang kaya di pekan Sg. Siput. Kemudian, sebuah kilang bagi menghasilkan getah kepingan telah dibina. Sikap berdikari dan daya usahanya menjadikan Veerasamy muncul sebagai seorang ahli peniaga dan pemilik ladang yang ternama di kalangan masyarakat estet yang rata-rata ‘kais pagi makan pagi, kais petang makan petang’.

Veerasamy mendapat pendidikan awal di kampungnya di Tanjore. Beliau seorang patriotik. Walaupun kedudukannya agak stabil di Sg. Siput namun, beliau tidak pernah lupa mengikuti perkembangan politik tanahair melalui akhbar-akhbar Tamil. Beliau juga kerap kali berulang-alih ke India Selatan.

Dengan restu ibunya Veerasamy mendirikan rumah tangga dengan Meenachi, gadis kampungnya di India. Bagaimanapun, beliau terpaksa berpisah dengan Meenachi kerana kehidupannya yang lebih tetap di Tanah Melayu. Di Sg. Siput, beliau berkahwin dengan isteri keduanya, Senggammal, yang juga berasal daripada Thiruvalluvarur, India

---

<sup>2</sup> Salah sebuah jalan di Sg. Siput diberikan nama ‘Suppiah Pillai’ (Pemerhatian penulis semasa melawat Sg. Siput pada 10. 1. 2000).

<sup>3</sup> Ladangnya digelar sebagai Ladang Veerasamy.

Selatan. Kehidupan keluarga bermula di rumah papan berbentuk senireka tradisi Melayu terletak di Blues Road, Sg. Siput.<sup>4</sup> Di sinilah V.T. Sambanthan dilahirkan.

Veerasamy, merupakan seorang yang sangat optimistik. Dia tidak fanatik dalam mengamalkan adat resam dan kepercayaan agama. Tetapi, masih berpegang teguh kepada etika baik yang disarankan dalam agama Hindu. Dia mengikut tradisi budayanya seperti memakai dhoti. Veerasamy juga meminati bidang kesusateraan Tamil. Dia juga adalah pengikut setia Mahatma Gandhi; dengan itu dia amat benci kepada amalan kasta. Sifatnya yang peramah lagi pemurah menjadikan Veerasamy seorang tokoh yang disegani dan dihormati di Sg. Siput. Kemewahan yang dimiliki membolehkan Veerasamy mendapat kedudukan yang tinggi di kalangan masyarakat Cina dan juga Eropah. Dia meninggal dunia pada tahun 1946.<sup>5</sup>

### **Pendidikan Awal Tun Sambanthan**

Pendidikan rendah Tun Sambanthan bermula dalam aliran Tamil. Beliau menghadiri kelas Tamil yang dikendalikan oleh seorang guru beragama Kristian(maklumat mengenai guru tidak diperolehi) di atas sebuah kedai; kemudian kelas Tamil ini dijalankan di sebuah 'drama shed' yang terletak di hadapan kuil Mariammah,<sup>6</sup> di Ladang Kamuning, Sg. Siput.<sup>7</sup> Beliau kemudian telah melanjutkan pelajarannya di

<sup>4</sup> Kini, jalan ini dikenali sebagai Jalan Lintang.

<sup>5</sup> A.V. Meenatchi Sundram, **Makkal Nalvaalvukku Adikolia Maamanithar, Tun V. Thirunyana Sambanthan, SSM., PMN**, Memorial Tun Sambanthan, Sg. Siput, Perak, 1995, hlm. 1-7.

<sup>6</sup> Temuramah dengan abangnya, Encik Meenatchi Sundram pada 10 Januari 2000, di Sg. Siput.

<sup>7</sup> Raja Gopal Ponnusamy, "Peranan, perjuangan dan pencapaian Tun V.T. Sambanthan dalam politik dan sosio-ekonomi masyarakat India Malaysia antara tahun 1955-1978", Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Sesi 1988/89, hlm. 7.

Sekolah Menengah Clifford, Kuala Kangsar. Kekayaan bapanya memberi peluang kepada Tun Sambanthan untuk memperolehi pendidikan Inggeris.

Semasa belajar di Sekolah Menengah Clifford, Tun Sambanthan amat senang dikenali dengan nama 'Panjang'. Ini disebabkan ketinggian yang dimiliki berbanding dengan pelajar-pelajar lain. Menurut Tun Suffian<sup>8</sup> (bekas Hakim Negara), rakan sekolah Tun Sambanthan, pengetua telah memberi kelonggaran kepada beliau untuk datang lewat 20 minit ke sekolah. Ini kerana beliau terpaksa menaiki keretapi dari Sg. Siput ke Kuala Kangsar. Pengecualian ini memandangkan perjalanan masa keretapi yang tidak tetap.

Menurut Tun Suffian lagi, Tun Sambanthan adalah seorang yang suka bercakap, cerdik, peramah dan suka berjenaka. Semasa di peringkat sekolah, Tun Sambanthan agak aktif dalam bidang sukan khasnya permainan badminton. Di peringkat dewasa, beliau mula berminat dalam bidang fotografi.<sup>9</sup> Hobi sepanjang masa beliau adalah membaca.

Selepas tamatnya 'Senior Cambridge', Tun Sambanthan melanjutkan pelajaran dalam bidang ekonomi di Universiti Annamalai, India Selatan. Bibit-bibit politik mula berputik di hatinya semasa beliau berada di Universiti Annamalai. Tun Sambanthan mula tertarik dengan prinsip-prinsip ideologi politik Mahatma Gandhi, Chandra Bose dan Nehru.<sup>10</sup> Tun Sambanthan pernah dipukul dan hampir cedera parah semasa aktif

<sup>8</sup> "Buku Peringatan Harijadi ke-80 Tun Sambanthan," Memorial Tun Sambanthan, Lebuh Ampang, Kuala Lumpur, 1999.

<sup>9</sup> Keterangan oleh Toh Puan Uma Sambanthan pada 17 Disember 1999 di Petaling Jaya.

<sup>10</sup> Mohandas Karamchand Gandhi atau Mahatma Gandhi merupakan tokoh nasionalis negara India yang telah menuntut kemerdekaan daripada pihak British. Gerakan anti-British telah diperhebatkan melalui Parti Progres India. Beliau telah berpuasa untuk mengubah pendirian British sehingga India mencapai kemerdekaan. Jawarlal Nehru, merupakan Presiden Parti Kongres India dan Perdana Menteri pertama negara India selepas kemerdekaan. Beliau merupakan pengikut setia Mahatma Gandhi. Kegiatan politiknya bertambah cergas selepas kematian Mahatma Gandhi. Chandra Bose, pada awalnya terpengaruh dengan Gandhi. Beliau tidak suka dengan gerakan anti-kekerasan yang telah dilancarkan oleh Mahatma Gandhi untuk menentang British. Maka, beliau telah mula bergerak aktif dalam Indian National Army (INA) dan bertindak secara agresif apabila idea-idea komunisme mula meresapi jiwynya. John R. McLane, **Indian Nationalism and the Early Congress**, Princeton University Press, London, 1977, hlm. 3-5. C.F. Andrew, **Mahatma Gandhi's Ideas**, George Allen & Unwin Ltd., Museum street, 1929, hlm. v-xiii.

menyertai gerakan ‘Quit-India’, yang diwakili oleh pelajar universiti. Dalam gerakan ini, Tun Sambanthan telah memegang tugas khas untuk mendaftar nama ahli.<sup>11</sup> Malahan, beliau juga telah menolak upacara penganugerahan Ijazah sebagai tanda penentangan terhadap British.<sup>12</sup> Tun Sambanthan pernah bertanding dalam pilihanraya persatuan pelajar di Universiti Annamalai dan aktif mengambil bahagian dalam semua aktiviti persatuan yang dijalankan oleh pihak Universiti.<sup>13</sup>

Semasa Perang Dunia Kedua meletus, Tun Sambanthan tidak dapat pulang ke Tanah Melayu. Pada masa itu, beliau bekerja dengan kerajaan British dan mula menetap di Madras.<sup>14</sup> Abangnya, Meenatchi Sundram tidak dapat menghubungi adiknya di India Selatan. Pemerintah Jepun memberhentikan segala bentuk komunikasi di antara Tanah Melayu dengan India. Tun Sambanthan mengutuskan surat melalui Persatuan Bulan Sabit India kepada abangnya.

Tun Sambanthan menyambung pelajaran yang tergendala semasa pendudukan Jepun. Pada waktu ini, bapanya sudah meninggal dunia. Abangnya merahsiakan kematian bapa kerana ia akan mengganggu pelajaran adik yang berada dalam tahun akhir. Seorang rakan dari Sg. Siput bernama Rahim telah menyampaikan berita kematian Encik Veerasamy kepada Tun Sambanthan.<sup>15</sup> Beliau amat sedih dan ingin balik ke Sg. Siput secepat mungkin, tetapi hasratnya perlu ditangguhkan demi menamatkan pelajarannya di universiti. Selepas Perang Dunia II, walaupun keadaan masih huru-hara tetapi Tun Sambanthan mengutus surat bahawa pelajarannya telah tamat dan akan kembali ke Tanah

<sup>11</sup> P. Arunasalam (disusun), **Varalatril Oru Maamanithar**. Memorial Tun Sambanthan, Lebuh Ampang, Kuala Lumpur, 1985, hlm. 333.

<sup>12</sup> Ibid., hlm.348.

<sup>13</sup> Pon Paramaguru, **Naan Kanda Sittarkal**, Penerbit Vaanathi, Madras, India, 1992, hlm. 256. Encik Pon Paramaguru merupakan kawan karib Tun Sambanthan semasa menuntut di Universiti Annamalai, Madras, India Selatan.

<sup>14</sup> Ibid.

Melayu selepas perkhidmatan kapal dipulihkan. Pada 3hb Februari 1946, Tun Sambanthan bertolak ke Tanah Melayu.<sup>16</sup>

### Sekembalinya dari India ...

Tun Sambanthan masih merasa amat sedih dengan kematian ayahnya. Beliau tidak mencari pekerjaan walaupun dia seorang graduan berkelulusan B.A.. Kekayaan yang ditinggalkan oleh bapanya menyebabkan Tun Sambanthan lebih gemar bersiar-siar di estet milik keluarga dengan kereta Mercedez.<sup>17</sup> Ini memberi peluang kepada Tun Sambanthan melihat sendiri keadaan hidup masyarakat estet. Beliau sedar bahawa masyarakat estet hidup dalam keadaan daif tanpa mementingkan pendidikan. Pemerhatian ini telah membakar semula sikap anti-British di hatinya.

Perkahwinan abangnya pada tahun 1949<sup>18</sup> menjadi titik tolak dalam kehidupan Tun Sambanthan untuk melibatkan diri secara serius dalam urusan ladang milik keluarga. Kawasan sekitar Sg. Siput juga menjadi tempat gerakan komunis.<sup>19</sup> Pada masa Darurat, kesengsaraan hidup masyarakat di estet bertambah teruk. Walaupun kebencian terhadap British bertambah tetapi beliau tidak dapat bertindak agresif kerana suasana politik India dan Tanah Melayu amat berbeza. Sungguhpun Tun Sambanthan dipotretkan sebagai seorang yang lemah-lembut tetapi beliau suka bertindak cepat dan tepat.<sup>20</sup> Pada waktu ini,

<sup>15</sup> Temuramah dengan Encik Meenatchi Sundram pada 10 Januari 2000, di Sg. Siput.

<sup>16</sup> Pon Paramaguru, *Naan Kanda Sittarkal*, Penerbit Vaanathi, Madras, India, 1992, hlm. 257.

<sup>17</sup> Temuramah dengan T. Manikam pada 29 Disember 1999. (Beliau juga berasal daripada Sg. Siput).

<sup>18</sup> A.V. Meenatchi Sundram, *Makkal Nalvaalvukku Adikolia Maamanithar: Tun V.T. Thirunyana Sambanthan*, SSM., PMN, Tun Sambanthan Memorial, Sg. Siput, Perak, 1995, hlm. 8.

<sup>19</sup> Ibid.

<sup>20</sup> Temuramah dengan Encik Meenatchi Sundram pada 10 Januari 2000 di Sg. Siput.

beliau sudahpun membuat keputusan untuk mengorak langkah bagi memulihkan taraf hidup masyarakat estet.

Tun Sambanthan percaya bahawa sesebuah masyarakat hanya diiktiraf maju sekiranya anggotanya mempunyai taraf pendidikan yang baik. Pemikiran ini bersesuaian dengan dirinya sebagai seorang graduan universiti. Beliau sememangnya sedar wang menjadi penghalang bagi masyarakat estet untuk memperolehi pendidikan. Kaum buruh estet tidak dapat menghantar anak-anak mereka ke sekolah Inggeris yang hanya terletak di bandar dan memerlukan belanja yang besar. Sebaliknya, mereka tidak dapat memperbaiki kemudahan dan mutu sekolah Tamil di estet yang wujud di atas belas ihsan pemilik ladang Eropah.

Untuk menyelesaikan kemiskinan buruh estet itu, beliau mula membaca buku-buku berkaitan dengan sejarah kedatangan buruh India ke Tanah Melayu. Malahan, beliau mengumpul statistik kemasukan buruh ladang ke Tanah Melayu dari Pejabat Buruh.<sup>21</sup> Beliau melawat sekolah-sekolah Tamil di estet yang tidak mempunyai bangunan dan kemudahan seperti meja, kerusi dan sebagainya. Keadaan ini mempengaruhi mutu pendidikan sekolah Tamil. Beliau juga memulakan kelas-kelas bahasa Inggeris bagi anak-anak buruh estet.<sup>22</sup> Minat dan usaha yang ditunjukkan oleh Tun Sambanthan menjadi sebab utama beliau terpilih sebagai ahli Lembaga Pelajaran Negeri Perak.<sup>23</sup> Jawatan ini memberi peluang kepada Tun Sambanthan untuk bertindak secara rasmi bagi kebaikan masyarakat estet.

---

<sup>21</sup> Ibid.

<sup>22</sup> P. Arunasalam (disusun), **Varalatril Oru Maamanithar**, Memorial Tun Sambanthan, Lebuh Ampang, Kuala Lumpur, 1985, hlm. 335.

<sup>23</sup> Ibid.

Pada awal tahun 1950-an, beliau juga sudah memegang satu lagi tugas khas yang mengeratkan lagi hubungannya dengan masyarakat estet. Sebagai Ketua Persatuan India Sg.Siput, Perak,<sup>24</sup> beliau juga berpeluang memberi perhatian terhadap masalah sosial yang dihadapi oleh masyarakat estet. Penglibatan Tun Sambanthan dalam hal kemasyarakatan buruh estet telah memberi pengasasan yang kukuh bagi beliau untuk melibatkan diri dalam politik kelak.

### **Pembinaan Sekolah Tamil Gandhi**

Jawatan ahli Lembaga Pelajaran Negeri Perak dan juga Ketua Persatuan India Sg.Siput telah memberi semangat kepada Tun Sambanthan untuk menyempurnakan hasratnya. Beliau merancang pembinaan Sekolah Tamil Mahatma Gandhi di Sg. Siput pada tahun 1952. Oleh kerana tiada bangunan yang tetap maka kelas-kelas gabungan menjadi punca bagi kemunduran pendidikan Tamil.<sup>25</sup> Sebab itu, Tun Sambanthan teringin membina sebuah sekolah yang boleh digelar sebagai 'sekolah' dalam ertikata sebenar. Beliau sendiri pernah belajar di atas bilik sebuah kedai dan kuil.

Sebagai langkah awal, Tun Sambanthan telah menubuhkan Jawatankuasa Penubuhan Sekolah dan beliau sendiri adalah setiausahaannya.<sup>26</sup> Dengan tekad untuk menubuhkan sebuah sekolah Tamil bagi anak buruh estet, beliau kerap kali mengadakan perjumpaan dan perbincangan dengan penduduknya di Kuil Subramanyar Sg. Siput.<sup>27</sup>

<sup>24</sup> Sebelum M.I.C. ditubuhkan pada tahun 1946, terdapat Persatuan India Sg. Siput yang mula beroperasi selepas Perang Dunia Kedua. Kemungkinan sekali Persatuan India digelar MIC selepas tahun 1946.

<sup>25</sup> Ummadevi a/p Suppiah, "Sejarah Perkembangan Pendidikan Tamil di Negeri Johor: Sebelum Merdeka", Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Sesi 1996/97.

<sup>26</sup> A.V. Meenatchi Sundram, **Makkal Nalvaalvukku Adikolia Maamanithar:Tun V.T.Thirunyana Sambanthan, SSM., PMN.,** Tun Sambanthan Memorial, Sg. Siput, Perak, 1995, hlm.9.

<sup>27</sup> Ibid.

Tanah bagi tapak pembinaan sekolah yang dipilih adalah ladang kelapa milik ayahnya, A. Veerasamy dan Encik Suppiah Pillai. Seluas 3 ekar tanah diberi percuma untuk membina sekolah.<sup>28</sup> Keluarga Tun Sambanthan dan Suppiah Pillai juga bersetuju menderma \$25,000.<sup>29</sup> Tun Sambanthan secara peribadi terlibat dalam mereka bentuk bangunan sekolah bersama Encik I. Everson, arkitek yang dilantik oleh 'Public Works Department'. Upacara perletakan batu asas dilaksanakan pada 12hb Jun 1952.<sup>30</sup> Ia dilakukan dengan penuh upacara keagamaan. Sekolah ini dianggarkan dapat menampung 160 orang murid. Ia juga mempunyai 6 bilik darjah dan sebuah dewan.<sup>31</sup>

Perasmian sekolah dilakukan pada 14hb Ogos 1954.<sup>32</sup> Beliau juga menempah patung Mahatma Gandhi melalui kawannya yang bernama C.B. Michael yang bekerja di 'Indian High Commission', Madras. Patung ini diletakkan di hadapan bangunan sekolah. Beliau telah memikirkan orang yang sesuai untuk merasmikan bangunan sekolah ini. Pada ketika itu, tersiar berita lawatan Puan Vijayalakshmi Pandit, adik Pandit Nehru, Perdana Menteri India dan juga Presiden Majlis Perhimpunan Agong, Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu ke Jepun. Beliau bercadang meminta bantuan Encik Kamaraj,<sup>33</sup> Ketua Menteri India Selatan bagi mengatur lawatan Puan Vijayalakshmi ke Sg. Siput. Akhirnya, beliau dapat mengaturkan temujanji dengan Puan Vijayalakshmi bagi upacara perasmian bangunan sekolah.

<sup>28</sup> P. Arunasalam (disusun), **Varalatril Oru Maamanithar**, Memorial Tun Sambanthan, Lebuh Ampang, Kuala Lumpur, 1985, hlm. 329.

<sup>29</sup> Buruh estet telah mengumpulkan \$7,000.

<sup>30</sup> Ibid. (Tetamu istimewa dalam upacara ini ialah 'Yogi' (sami) terkenal dari India Selatan iaitu Sudhanandha Barathi).

<sup>31</sup> Dipetik daripada majalah keluaran khas sempena perasmian Sekolah Tamil Mahatma Gandhi, Sg. Siput, 14 Ogos 1954.

<sup>32</sup> Ibid.

<sup>33</sup> Encik Kamaraj mempunyai persahabatan yang rapat dengan keluarga Tun Sambanthan.

Usaha Tun Sambanthan untuk melibatkan orang-orang ternama dalam pembukaan sekolah Tamil jelas menunjukkan bahawa dia adalah seorang yang berkebolehan. Kesanggupan mereka juga membuktikan bahawa keluarga Tun Sambanthan memang terkenal sebagai orang berada di kalangan orang India di Tanah Melayu.

Sekolah Tamil Mahatma Gandhi merupakan sekolah Tamil pertama yang dibina oleh seorang India yang lahir di Tanah Melayu dengan mempunyai bangunan tersendiri. Usaha sedemikian tidak dilakukan oleh sesiapapun sebelum merdeka. Pembukaan sekolah Tamil ini juga mendapat publisiti luas daripada akhbar-akhbar tempatan kerana lawatan Puan Vijalakshmi Pandit. Ia telah menjadi model kepada pembinaan sekolah-sekolah Tamil selepas merdeka.

Pelawat teristimewa yang pernah melawat Sekolah Tamil Gandhi ini ialah Sir Gerald Templer.<sup>34</sup> Sebagai Pesuruhjaya Tinggi Tanah Melayu, beliau dijemput oleh Tun Sambanthan untuk merasmikan upacara perletakan patung Gandhi. Dengan sukacitanya beliau telah menandatangani buku pelawat sekolah itu pada 24hb Oktober 1953.

---

<sup>34</sup> Sir Gerald Templer, ialah Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan Tanah Melayu selepas Henry Gurney terbunuh serang hendap di Bukit Fraser pada tahun 1951.

Gambar 1 : Tun Sambanthan bersama Puan Vijayalakshmi semasa upacara perasmian sekolah Tamil Mahatma Gandhi, Sg. Siput, pada 14hb. Ogos, 1954.



Sumber : Perpustakaan *New Straits Times*, Kuala Lumpur.

Tun Sambanthan juga bercadang untuk mengusahakan pengajaran bahasa Inggeris<sup>35</sup> di sekolah Tamil Mahatma Gandhi. Sebelum merdeka, pendidikan Inggeris hanya diperolehi oleh golongan diraja, bangsawan dan di kalangan penduduk bandar yang kaya-raya. Pendidikan Tamil sebelum merdeka tidak menyertakan Bahasa Inggeris sebagai satu matapelajaran yang boleh diajar di sekolah-sekolah Tamil. Pendidikan Inggeris hanya boleh diperolehi di sekolah Inggeris. Pembaharuan yang ingin dilakukan oleh Tun Sambanthan adalah sesuatu yang luar biasa dan sebagai pihak yang bertanggungjawab terhadap pendidikan Inggeris, sudah tentu Tun Sambanthan memerlukan kerjasama dan kelulusan pegawai British untuk berbuat demikian. Namun, pelaksanaan cadangan ini tidak dapat diketahui kerana tiada dokumentasi yang diperolehi.

Menurut abangnya Encik Meenatchi Sundram, satu lagi pembaharuan yang dilakukan oleh Tun Sambanthan ialah pembukaan kelas tadika<sup>36</sup> dalam bangunan sekolah yang sama. Kanak-kanak buruh estet yang belum mencapai umur persekolahan selalunya ditinggalkan di rumah asuhan '*creche*' sementara ibubapanya pergi menoreh. Ia tidak mempunyai kemudahan fizikal dan kanak-kanak terbiar tanpa jagaan yang rapi. Tun Sambanthan berpendapat di peringkat umur ini, mereka mempunyai perkembangan mental yang sihat dan boleh mempelajari sesuatu dengan cepat. Bagi mengatasi masalah ini Tun Sambanthan memperkenalkan pendidikan pra-sekolah. Usaha yang berani ini, tidak pernah difikirkan oleh pihak British. Inilah buat kali pertama, kelas tadika tidak kendalikan dalam sebuah sekolah Tamil. Guru tadika yang dilantik adalah seorang

---

<sup>35</sup> A.V. Meenatchi Sundram, **Makkal Nalvaalvukku Adikolia Maamanithar: Tun V. Thirunyana Sambanthan**, SSM., PMN., Memorial Tun Sambanthan, Sg. Siput, Perak, 1995, hlm. 18. (Maklumat mengenai pelaksanaan kelas bahasa Inggeris tidak diuraikan secara lanjut).

<sup>36</sup> Ibid. hlm.22.

terlatih dalam bidang pra-sekolah. Beliau berpindah masuk ke Sg. Siput dari India setelah berkahwin dengan orang tempatan.<sup>37</sup> Pendidikan pra-sekolah ini hanya untuk setahun. Walaupun pada awalnya Tun Sambanthan mendapat tentangan daripada pihak British tetapi kedudukannya sebagai ahli Lembaga Pelajaran negeri Perak dapat meyakinkan pegawai-pegawai British untuk meneruskan hasratnya. Kelas darjah tujuh<sup>38</sup> juga dikendalikan di sekolah ini.

Pembinaan sekolah Tamil Gandhi merupakan langkah awal bagi Tun Sambanthan untuk menunjukkan sifat kepimpinan terhadap masyarakat India di Sungai Siput dan seterusnya menerajui kepimpinan MIC di peringkat kebangsaan pada tahun 1955.

### Perkahwinan

Tun Sambanthan mengakhiri zaman bujangnya apabila beliau mula memegang jawatan Presiden MIC dan juga Menteri Buruh dalam kabinet pertama yang ditubuhkan di Persekutuan Tanah Melayu. Beliau berkahwin dengan Umasundari a/p Subramaniam. Toh Puan Uma Sambanthan dilahirkan pada 14hb September, 1929 di Bruas, Perak.<sup>39</sup> Beliau merupakan anak sulung kepada Encik O.M. Subramaniam dan Puan Jayalakshmi. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains dalam bidang kimia dari Universiti Madras, India.<sup>40</sup> Sekembali dari Madras, beliau telah berkhidmat dengan unit BCG, Hospital Besar Muar, Johor. Oleh kerana beliau tidak dapat pekerjaan yang sesuai dengan

<sup>37</sup> Ibid, hlm. 24. (Nama gurunya tidak ditulis).

<sup>38</sup> Ibid, hlm. 25. (Kelas tujuh dijalankan oleh sekolah-sekolah Tamil di bandar sahaja. Kebanyakan pelajar yang mengikuti kelas Tujuh bercita-cita menjadi guru sekolah Tamil. Guru-guru bagi kelas tujuh selalunya terdiri daripada nazir sekolah Tamil. Kelas Tujuh diberhentikan pada tahun 1959).

<sup>39</sup> Lalitha a/p K. Krisnan, "Suatu Tinjauan umum mengenai latarbelakang hidup dan keterlibatan Toh Puan Uma Sambanthan dalam bidang sosio ekonomi antara tahun 1929 hingga 1991", Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1991/92, hlm. 7.

taraf pendidikan, Umasundari bercadang menjadi guru Sains di Sekolah Menengah Alexander Road, Singapura.<sup>41</sup> Pada waktunya, keluarga Umasundari menetap di Muar. Bapanya seorang warganegara India dan berkelulusan diploma dalam kejuruteraan awam.<sup>42</sup> Selepas berkhidmat di Sg. Siput, beliau berpindah ke Muar pada pertengahan tahun 1930-an.

Bapa Uma Sundari mengenali keluarga Tun Sambanthan ketika beliau mula bertugas di Perak. Pada masa itu Tun Sambanthan dan Umasundari masih kanak-kanak. Setelah meningkat dewasa, Umasundari pernah melihat Tun Sambanthan dalam beberapa majlis keramaian yang diadakan di sana-sini di negeri Perak. Selepas itu, keluarga Umasundari berpindah ke Muar dan beliau bekerja sebagai guru di Singapura. Pada ketika itulah, Umasundari berhasrat untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang Kimia di Jerman. Bapa Umasundari yang kebetulannya kesempitan wang telah bercadang untuk berjumpa dengan Tun Sambanthan bagi membantu pelajaran anaknya. Satu pertemuan diatur di pejabat Tun Sambanthan. Setelah melihat Umasundari, Tun Sambanthan pun mengemukakan cadangan perkahwinan dengannya. Pada awalnya, Uma sundari tidak dapat memberi kata putus kerana kedudukan Tun Sambanthan sebagai Menteri. Walau bagaimanapun, Tun Sambanthan dapat memujuk Umasundari dengan memberi alasan taraf pendidikannya amat sesuai untuk menjadi isteri kepada seorang Menteri.<sup>43</sup>

Perkahwinan mereka berlangsung di Kuil Mariamman, Muar, Johor, pada 21hb Mei, 1956.<sup>44</sup> Di antara orang ternama yang menghadiri upacara perkahwinan mereka

---

<sup>40</sup> Ibid. hlm. 6.

<sup>41</sup> Ibid., hlm. 10.

<sup>42</sup> Ibid., hlm. 11.

<sup>43</sup> Temuramah dengan Toh Puan Uma Sambanthan pada 17 Disember 1999 di rumahnya, Petaling Jaya.

ialah Dato' Abdul Razak (Tun) (Menteri Pembangunan), Omar Ong Yoke Lin (Tun) dan Mohammad Khir Johari (Tan Sri).<sup>45</sup> Mereka merupakan rakan setugas Tun Sambanthan dalam kabinet.Tengku hanya menghadiri jamuan perkahwinan yang diadakan di Sg.Siput. Hasil perkahwinannya dengan Umasundari mereka dikurniakan dengan seorang anak perempuan bernama Devakunjari pada tahun 1959. Menurut Toh Puan, Tun Sambanthan suka berkongsi pengetahuan dan pengalaman dengannya. Beliau percaya lelaki dan perempuan mempunyai kebolehan yang sama. Apabila mereka berpadu tenaga banyak perkara boleh dihasilkan. Di bawah dorongan dan tunjuk ajar Tun Sambanthan, Toh Puan juga telah terlibat dalam kegiatan sosial.

Perasaan benci terhadap British telah melahirkan sikap berdikari tanpa mengharapkan belas kasihan penjajah dalam diri Tun Sambanthan untuk mendirikan sekolah Tamil Mahatma Gandhi. Peristiwa ini dianggap satu titik peralihan dalam hidup Tun Sambanthan kerana beliau dilihat sebagai pemimpin harapan yang berkebolehan untuk menyumbang tenaga dan masa untuk kemajuan orang India di Tanah Melayu. Penglibatan dalam hal-ehwal masyarakat India estet, sedikit sebanyak telah mengasah sifat kepimpinan dalam diri Tun Sambanthan dan akhirnya beliau menerajui jawatan Presiden MIC kebangsaan.

---

<sup>44</sup> Ibid.

<sup>45</sup> Tamil Murasu, 22 .Mei 1956.

Gambar : 2

Perkahwinan Tun Sambanthan dengan Umasundari di kuil Mariamman, Muar,  
Johor pada 21hb. Mei 1956.



Sumber: Akhbar Tamil Nesan. 1956.